



KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut Harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia/PUKONSA/UPKJ dalam gred, kategori, pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:-

Pejabat yang Memanggil Sebut Harga	Tajuk Projek	Gred, Kategori & Pengkhususan/Kelas, Tajuk & Tajuk Kecil/Kelas, Kepala & Sub-Kepala	Tempat, Tarikh bagi Taklimat dan Lawatan Tapak	Tempat dan Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Tempat, Tarikh & Waktu Sebut Harga Tutup
Bahagian Teknikal Istana Budaya Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Jalan Tun Razak 50694 Kuala Lumpur	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN SECARA KOMPREHENSIF BAGI LAPAN (8) UNIT LIF DAN NON KOMPREHENSIF BAGI SISTEM PENCEGAH KEBAKARAN SERTA LAIN-LAIN KERJA PENYELENGGARAAN DI BANGUNAN PANGGUNG DAN PENTADBIRAN, ISTANA BUDAYA BAGI TEMPOH 12 BULAN NO. SEBUT HARGA: SH/IB/400-10/08/SH 01-2024	Taraf / Jenis Syarikat: Bumiputera Berdaftar dengan CIDB / PUKONSA / UPKJ dan SSM Gred Pendaftaran: G3 hingga G7 Kategori : M Pengkhususan: M02 dan M03	Tidak berkaitan	Unit Perolehan Aras 2, Bangunan Pentadbiran Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Jalan Tun Razak 50694 Kuala Lumpur 29 Januari 2024 (Isnin) Hingga 7 Februari 2024 (Rabu) Masa: 9.00 pagi – 1.00 tengah hari 2.00 petang – 4.00 petang	Lobi Bangunan Pentadbiran Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Jalan Tun Razak 50694 Kuala Lumpur Tarikh Tutup Sebut Harga: 7 Februari 2024 (Rabu) Waktu: 12.00 t/hari

1. Bagi pembelian dokumen sebutharga, Penyebutharga yang hadir adalah **penama yang tercatat di dalam sijil CIDB, SSM, MOF, PPK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ** dan sekiranya wakil hendaklah membawa **surat wakil syarikat** serta **mesti** membawa **COP SYARIKAT**.
2. Dokumen contoh Sebut Harga boleh disemak dan dokumen tersebut boleh diperolehi di **Lobi, Bangunan Pentadbiran, Istana Budaya, Jalan Tun Razak, 50694 Kuala Lumpur** semasa waktu pejabat.
3. Dokumen sebut harga akan dikeluarkan kepada wakil Kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil Kontraktor dikehendaki membawa perakuan/ sijil **ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta **Sijil Taraf Bumiputera** yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Usahawan (jika berkenaan) beserta satu salinan sijil-sijil tersebut. Bagi Kontraktor yang berdaftar dengan PUKONSA atau UPKJ, wakil kontraktor yang sah dikehendaki membawa perakuan/sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Pendaftaran PUKONSA atau UPKJ.
4. Dokumen sebut harga yang lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berlakri dan dimasukkan ke dalam Peti sebut harga di **Lobi, Bangunan Pentadbiran, Istana Budaya, Jalan Tun Razak, 50694 Kuala Lumpur pada tarikh dan masa yang ditetapkan seperti di atas**. Sebut harga yang lewat dari tarikh dan masa ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
5. Istana Budaya tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran sebut harga. Istana Budaya juga berhak untuk meminda atau membatalkan mana-mana terma serta syarat bagi sebut harga yang ditawarkan tanpa sebarang notis.
6. Semua kos dan perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga hendaklah ditanggung oleh penyebut harga.
7. Keputusan sebut harga adalah **MUKTAMAD** dan sebarang surat menyurat tidak akan dilayan.